

07 OCT 1998

MAHATHIR-BRITISH TELECOM/I

PELABURAN BT DALAM BINARIANG TANDA KEYAKINAN TERHADAP M'SIA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 7 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini membayangkan bahawa pelabur-pelabur asing telahpun memulakan perbincangan untuk membeli ekuiti dalam bank-bank tempatan.

"Saya rasa terdapat beberapa rundingan buat masa ini tetapi saya tidak tahu sama ada rundingan-rundingan itu telah menjadi kenyataan," katanya apabila diajukan soalan sama ada pihak-pihak asing telah mengemukakan permohonan untuk melabur di dalam bank-bank tempatan.

Menurut Perdana Menteri beliau tidak tahu sama ada terdapat sebarang permohonan dikemukakan bagi tujuan ini tetapi menambah kata bahawa Malaysia mengalu-alukan pelaburan asing dalam sektor perbankan.

Beliau berkata demikian pada satu sidang akhbar yang diadakan sempena pemeteraian perjanjian pemegang saham antara syarikat telekomunikasi tempatan Binariang Bhd dan British Telecommunications Plc.

BT melaksanakan langganan 33 peratus kepentingannya di dalam Binariang dengan harga RM1.8 bilion.

Majlis tersebut juga dihadiri oleh Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie, Pengerusi Binariang Tun Mohd Haniff Omar dan pengarah urusan Rantau Asia Pasifik BT Richard Slogrove.

Apabila ditanya selanjutnya mengenai pelaburan asing dalam sektor perbankan, Dr Mahathir berkata: "Kita ada pelaburan (oleh pelabur asing) tetapi kita ada had-had tertentu tentang peratusan yang dipegang oleh pelabur asing."

Pada masa ini, pemilikan kepentingan asing dalam bank-bank Malaysia terhad kepada 30 peratus tetapi mereka boleh menguasai 51 peratus kepentingan dalam syarikat-syarikat insurans.

Menjawab soalan sama ada kerajaan akan melonggarkan had pemegangan asing dalam sektor perbankan, beliau berkata, "kita tidak merasakannya perlu buat masa ini."

"Tetapi, ada kalanya bank-bank menghadapi sedikit masalah dan memerlukan suntikan dana baru," tambah beliau.

Ini, katanya, diuruskan oleh Danamodal Nasional Bhd dan Pengurusan Danaharta Bhd, yang akan mempermodalkan semula bank-bank yang lemah dan membeli pinjaman-pinjaman tidak berbayar sektor perbankan.

Mengulas tentang pemeteraian perjanjian pemegang saham antara Binariang dan BT, beliau mengalu-alukan pelaburan yang dibuat oleh BT dalam Binariang yang melancarkan dua satelit ke angkasa lepas, dan menganggapnya sebagai pernyataan keyakinan pelabur terhadap Malaysia.

"Kita sentiasa menyambut baik pelabur asing, (sama ada) secara bersendirian atau (melalui) penubuhan usaha sama dengan rakan kongsi Malaysia, tegas Dr Mahathir.

Menurutnya, "pada keseluruhannya, urus janji Binariang dan BT ni adalah perkongsian yang baik dan digalakkan oleh kerajaan."

-- BERNAMA

RIZ KY OS